

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1995/96

April 1996

SPU404 - Seminar Perhubungan Antarabangsa

Masa: [3 Jam]

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA (3) soalan sahaja.

1. Terangkan konsep hegemoni dengan secara terperinci. Jelaskan pandangan-pandangan yang telah diberikan oleh Neo-Realist dan Neo-Gramscian tentang hegemoni. Berikan 5 contoh bagi mengaitkan konsep hegemoni ini dengan keadaan semasa (3 keadaan domestik: (1) pandangan Neo-Realist dan (2) pandangan Neo-Gramscian; dan 3 keadaan antarabangsa: (1) pandangan Neo-Realist dan (2) pandangan Neo-Gramscian).  
(100 markah)
2. Terangkan penubuhan ASEAN secara ringkas. Berikan pendapat anda adakah ASEAN ini sebagai regionalisme atau regionalisasi. Siapakah hegemon dalam ASEAN? Apakah pendekatan yang diambil oleh ASEAN dalam menyelesaikan masalah-masalah di antara mereka (i.e. Neo-Realist atau Neo-Gramscian)? Adakah ASEAN ini telah berjaya memainkan peranannya?  
(100 markah)
3. Berikan faktor-faktor utama yang menyebabkan kebangkitan regionalisasi di Asia Timur seperti EAEC. Apakah objektif serta peranannya dalam rantau Asia Timur? Berikan pendapat anda, adakah EAEC ini akan menjadi satu kumpulan negara-negara ekonomi Asia Timur yang berjaya atau tidak?  
(100 markah)

...2/-

4. Jepun telah dikatakan telah memainkan peranan dominannya di Asia Timur. Apakah prospek serta masalah yang dihadapi oleh Jepun dalam melaksanakan peranannya?  
(100 markah)
5. Apakah peranan ASEAN dalam menangani isu-isu keselamatan di Asia Tenggara khususnya dan Asia Timur amnya?  
(100 markah)

- oo o0o oo -